

AKHBAR : SELANGORKINI

TARIKH : 21 - 27 MAC 2018

Utama
Selangorkini 21 - 27 Mac 2018 | 3

WIFI PERCUMA SELURUH NEGERI
Follow WIFISMARTSELANGOR

Belanja besar

Rizab air catat peningkatan

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Rizab bekalan air, di Selangor kini mencatatkan peningkatan 5.4 peratus, sekali gus bakal menyaksikan peningkatan 11 peratus, hujung tahun ini.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, jumlah itu dijamin terus berterusan selepas langkah awal dilaksanakan Kerajaan Negeri bagi memastikan gangguan bekalan air tidak berlaku.

Katanya, Kerajaan Negeri sudah mengeluarkan belanja besar menukar paip lama dan membina dua loji rawatan air sebelum ini.

"Tahun lalu, rizab bekalan air 3.8 peratus dan sehingga kini bekalan air meningkat kepada 5.4 peratus.

"Bekalan ini akan meningkat kepada 11 peratus hujung tahun ini. Sejak saya mengambil alih pentadbiran, tiada catuan air dibenarkan berlaku," katanya pada Karnival Himpunan Rakyat,



di Stadium Malawati, pada 17 Mac lalu.

Mohamed Azmin turut memaklumkan status semua empangan utama negeri kini mencapai 100 peratus

Katanya, ia membabitkan empangan Sungai Selangor, Sungai Tinggi dan Sungai Semehyih.

Manakala, empangan Sungai Langat (99.9 peratus), Sungai Batu (99.98 peratus), Sungai Labu (99.78 peratus) dan Tasik Subang (99.92 peratus).

"Ini bermakna kenyataan diberikan Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Dato' Dr Zaini Ujang tidak tepat.

"Saya boleh bawa menteri atau KSU ke empangan untuk meninjau juga boleh campak KSU dalam empangan," katanya dengan nada berseloroh.